

Kabinet Perpaduan harungi era kematangan politik, cabaran global

BH- 4/12/2022 m/s: 10

● Formula diguna pakai itu adalah yang terbaik bagi memastikan wujud keseimbangan perwakilan parti politik dalam kerajaan bercorak gabungan

● Kabinet Perpaduan terbentuk ini mesti mengamalkan prinsip permesyuaratan seimbang, bertolak ansur dan beretika demi mencapai muafakat bersama

Oleh Dr Muhamad Razak Idris
bhrencana

Perlantikan Ahli Jemaah Menteri bagi 'Kabinet Perpaduan Nasional' seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin dan mengangkat sumpah, semalam, menyaksikan politik Malaysia kini memasuki era baharu kematangannya.

Ini kabinet pertama menggabungkan perwakilan utama daripada parti politik saling bersaing dan sudah memenangi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) yang lalu. Kabinet diumumkan itu ternyata menzahirkan citra sebenar politik Malaysia hari ini.

Kabinet Perpaduan dibentuk menerusi formula keseimbangan jelas. Parti utama bergabung, iaitu daripada Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN) dan Gabungan Parti Serawak (GPS) menjadi kumpulan induk atau teras utama kerajaan.

Gabungan induk itu diberikan satu parameter perwakilan dalam kerajaan sejajar dengan kekuatan sokongan diperoleh mereka pada PRU-15. Sementara itu, beberapa perkumpulan politik lain seperti Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Parti Warisan (WARISAN) juga diberi ruang signifikan dalam Kabinet itu.

Formula diguna pakai itu adalah yang terbaik bagi memastikan wujud keseimbangan perwakilan parti politik dalam kerajaan bercorak gabungan.

Kini, semua perwakilan dilantik sebagai anggota Jemaah Menteri hendaklah mengambil kesempatan menyuarakan aspirasi parti politik masing-masing dalam badan permesyuaratan eksekutif negara berkenaan.

Keadaan baharu ini adalah satu kesempatan keemasan kepada menteri menggunakan seluruh seni dan kemahiran politik dimiliki bagi mengemukakan dasar serta program pembinaan negara sejajar dengan falsafah perjuangan politik masing-masing.

Mulai kini, seluruh rakyat hendak menerima realiti, iaitu landskap politik negara sudah memasuki fasa kematangan baharu. Era satu perkumpulan politik menguasai semua perwakilan dan kepentingan politik negara kelihatannya sudah berlalu.

Politik negara kini sudah memasuki fasa polarisasi pembabitan politik yang rencam sama ada dari segi aliran, ideologi atau pengaruh.

Polarisasi politik ini terzhahir kesan daripada kesadaran politik rakyat sendiri yang kian melebar akibat daripada pengaruh wacana politik pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Kelihatan sistem demokrasi yang menjadi kaedah pemerintahan negara bertambah ampuh dalam menangani kerencaman polarisasi politik negara hari ini.



Kayu ukur sokongan rakyat menjadi neraca utama dalam pembentukan kerajaan. Sistem demokrasi menunjukkan secara objektif sokongan rakyat mesti dihormati seluruh warganegara.

Kebijaksanaan Majlis Raja-Raja dalam mendukung dan mengangkat aspirasi rakyat terbanyak seperti terzhahir pada PRU-15 menyempurnakan seluruh proses pembentukan barisan kepemimpinan negara.

Peranan Majlis Raja-Raja

Sebagai institusi pelindung kesejahteraan rakyat dan negara, peranan Majlis Raja-Raja ternyata amat berkesan dan dinantikan dalam pembentukan Kerajaan Perpaduan ini.

Bagi perkumpulan politik tidak terbabit dalam pembentukan Kabinet Perpaduan ini, sistem demokrasi memberikan ruang amat luas sebagai kumpulan pengimbang kepada kerajaan yang dibentuk.

Suara mereka akan dipertimbangkan kerajaan menerusi ruang persidangan, terutama di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Hak parti pembangkang dijamin Perlembagaan dan peranan mereka sebagai kumpulan semak dan imbang amat mustahak dipertahankan demi kestabilan sistem bernegara dan kesejahteraan rakyat secara jangka panjang.

Kabinet Perpaduan terbentuk ini mesti mengamalkan prinsip permesyuaratan seimbang, bertolak ansur dan beretika demi mencapai muafakat bersama.

Kerangka Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan mesti menjadi panduan dalam perancangan gerak kerja pentadbiran.

Perkara dan isu sensitif membabitkan hal ehwal agama, kaum dan budaya hendaklah dibincangkan secara berhikmah, tertutup serta diselesaikan mengikut keutamaan yang akan ditentukan kepemimpinan utama.

Fokus utama Kabinet Perpaduan mestilah terha-

dap usaha mengangkat martabat negara ke tingkat lebih tinggi. Matlamat ini memerlukan barisan Kabinet dapat menunjukkan keyakinan kepemimpinan mereka pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Keyakinan menyeluruh masyarakat luar negara penting diberi perhatian kerana ia antara jalan utama bagi pembangunan ekonomi negara masa kini.

Barisan Kabinet baharu juga mesti segera melaksanakan program yang akan memberi kesan langsung kepada keperluan masyarakat awam, terutama dalam bidang ekonomi kerakyatan.

Agenda mengurangkan jurang kemiskinan dan pengagihan sumber negara secara seimbang dan tersasar hendaklah dilaksanakan secara berkesan.

Seluruh rakyat hendaklah dilibatkan tanpa pengecualian bagi menerima apa juga bentuk manfaat serta bantuan sesuai yang mampu membantu meringankan beban kehidupan rakyat terbanyak.

Dalam hubungan ini, kerjasama akrab antara Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan adalah mustahak demi memastikan program bersasar yang dapat menjamin kesejahteraan rakyat terbanyak dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam tempoh singkat.

Persoalan kos hidup meningkat, peluasan peluang pekerjaan dan mutu kesihatan adalah antara isu utama mesti ditangani dengan segera dalam tempoh beberapa bulan terdekat ini.

Kejayaan barisan Kabinet Perpaduan mengemukakan jalan keluar kepada isu utama akan memberikan satu harapan besar terhadap kepemimpinan baharu negara dalam mengharungi cabaran nasional dan global pada masa depan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH